



## SIARAN AKHBAR

### BENGKEL ASET MAYA

---

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), menerusi Unit Perisikan Kewangan (UPK) selaku Urus Setia kepada Jawatankuasa Kebangsaan Bagi Membanteras Pembersihan Wang Haram dan Pembiayaan Pengganasan (NAMLC) telah menganjurkan bengkel mengenai aset maya pada 4 hingga 5 Disember 2023 di Hotel Antarabangsa Rizqun, Gadong, yang dihadiri oleh pegawai-pegawai kerajaan dan agensi penguatkuasaan undang-undang.
2. Bengkel tersebut memberikan penghuraian mengenai ciri-ciri dan kerumitan aset maya serta langkah pengawalseliaan dan penguatkuasaan yang dikendalikan oleh negara-negara lain terhadap aset maya yang semakin meningkat secara global. Para hadirin juga meperolehi pemahaman yang lebih mendalam tentang cabaran dan risiko berkaitan dengan aset maya dan menilai strategi-strategi berkesan selaras dengan piawaian antarabangsa bagi menubuhkan rangka kerja yang bersesuaian untuk menangani dan mengurangi risiko-risiko tersebut.
3. Menurut Financial Action Task Force (FATF), aset maya adalah nilai dalam bentuk digital yang boleh didagangkan atau dipindahkan secara digital, yang digunakan untuk tujuan pembayaran atau pelaburan. Ini termasuk matawang kripto, *security token*, *utility token* dan aset-aset lain yang boleh didagangkan atau digunakan melalui teknologi *blockchain*.
4. Bengkel ini menunjukkan dedikasi dan komitmen negara dalam melengkapi pihak-pihak berkepentingan dengan kepakaran yang diperlukan untuk menangani kerumitan penggunaan aset maya dalam sektor kewangan. Pengetahuan yang diperolehi daripada bengkel tersebut akan menyumbang kepada pembentukan rangka kerja yang bersesuaian untuk mengawalselia aktiviti-aktiviti aset maya. Usaha ini penting bagi mengukuhkan integriti pasaran, melindungi pengguna, dan menjaga kesejahteraan orang awam daripada aktiviti penipuan.

#### Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 14 Jamadilawal 1445H / 27 Disember 2023

Rujukan: BDCB/COMMS/3